

22/03/2003

`Saya tidak pernah bercita-cita pimpin Gapena'

Salbiah Ani

SASTERA dan Budaya memberi peluang kedua kepada Timbalan Presiden Persatuan Penulis Nasional (Pena), Datuk Baharuddin Zainal (akan dirujuk sebagai Baha selepas ini), untuk siri wawancara ini memandangkan ketokohnya sebagai sasterawan dan pemimpin persatuan penulis. Ikuti sambungan wawancara wartawan Sastera dan Budaya, SALBIAH ANI, bersama tokoh ini.

Ada cita-cita ke untuk memimpin Gabungan Persatuan Penulis Nasional (Gapena)?

Tidak ramai yang berani mengambil alih `kerusi' Prof Emeritus Tan Sri Ismail Hussein. Saya secara peribadi tidak pernah bercita-cita untuk menjadi tokoh dan selama-lamanya menjadi ketua dua baik untuk Pena mahupun Gapena. Prof Emeritus Ismail sudah sangat berdedikasi, komited dan mempunyai jaringan yang luar biasa sehingga ada anak muridnya menjadi tokoh besar negara. Gapena sudah menjadi institusi yang hebat dari segi kegiatan.

Tidak ramai yang sanggup memainkan peranan seperti Prof Emeritus Ismail. Ramai yang berhasrat memimpin Gapena tetapi tidak ada keberanian untuk mencabar beliau. Prof Emeritus secara peribadi seorang yang lembut dan ramai menganggapnya sebagai bapa.

Gapena sibuk dengan dunia Melayu sedangkan masalah bangsa Melayu dalam negeri tidak pernah selesai?

Gapena ada visi unggul. Visi kekeluargaan yang besar. Cuma barangkali masalah keutamaan yang menjadi masalah kepada ramai orang terhadap Gapena. Gapena dapat membentuk kemudahan dan sokongan ini. Ini satu usaha yang sangat kompleks, memakan waktu, memerlukan komitmen yang besar dan kepemimpinan luar biasa.

Tidak seluruh berhasil tanpa peribadi seperti Prof Emeritus Ismail. Hal itu dapat berterusan kerana beliau degil dan komited untuk mencapai visi. Saya tidak fikir ada tokoh penulis lain kalau ambil alih boleh meneruskan visi beliau.

Sekiranya Baha memimpin Gapena, apakah Baha akan memberi tumpuan kepada dunia Melayu?

Bagi saya masalah dalaman, budaya, bahasa, perpaduan dan generasi muda pelbagai kaum dalam pembentukan bangsa Malaysia sangat kompleks dan memerlukan perhatian kebudayaan yang besar. Generasi muda bukan saja penulis Melayu tetapi juga penulis dalam bahasa lain. Kita harus wujudkan kerjasama dan simbiosis untuk kepentingan nasional kita.

Kalau diberi peluang untuk memimpin Gapena?

Saya tidak mahu peluang itu.

Saya kerap menerima jawapan daripada kalangan sasterawan pentingnya sastera untuk masyarakat tetapi sebahagian daripada kami tidak dapat melihat kebenaran hakikat ini?

Kita berfikiran tidak sabar dan hendak cepat menyaingi negara maju lebih kepada kekuatan ekonomi, teknologi dan ilmu. Kita rasakan bahasa Inggeris adalah jalan paling singkat. Memang betul Bahasa Inggeris digunakan dengan meluas dan seluruh dunia perdagangan, teknologi dan pendidikan. Kita tidak nafikan pentingnya bahasa Inggeris tetapi sekarang kita berada dalam situasi zero sum game.

Melakukan perungkaian budaya secara sistematik sedangkan proses perungkaian sememangnya berlaku melalui globalisasi dan emperialisme budaya Barat. Proses perungkaian sedikit demi sedikit mencairkan

kebudayaan setempat. Bahasa Inggeris membawa bersamanya imej, nilai, model, bukan sekadar ilmu dan teknologi.

Apakah penekanan yang berlebihan kepada bahasa Inggeris memungkinkan bangsa Melayu tidak akan berpeluang menjadi bangsa yang besar?

Ia bergantung kepada apa yang kita maksudkan dengan bangsa yang besar. Kalau dari segi teknologi dan ekonomi saja tafsiran kita, memang ada kemungkinan. Tetapi apakah pengertian bangsa besar yang sempurna. Bahasa memainkan peranan sangat penting dalam membina peradaban dan jati diri bangsa yang besar seperti Perancis, Jerman, Inggeris, Jepun, Cina dan Korea. Melalui bahasa, pembinaan kebudayaan pribumi kepada suatu bangsa terbina kesenian, kesusasteraan, pemikiran, falsafah dan nilai bangsa itu. Bukan sekadar manifestasi material dan teknologi saja tetapi aspek rohaniah juga.

Mengapa agaknya pemimpin negara 'enggan' menerima pandangan beberapa pihak termasuk Pena berhubung perkara ini?

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed yakin dengan pandangannya dan berniat mulia tetapi ini bukan satu-satunya jalan untuk mencipta bangsa yang besar. Sepuluh tahun akan datang masyarakat akan ada pandangan yang menyalahkan apa yang kita lakukan hari ini.

Kita nafikan kejayaan yang dibina lebih 32 tahun lampau hanya kerana kita hendak lebih cepat. Kita membuat andaian, ini langkah paling berkesan. Sebenarnya kita boleh meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris dengan meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran subjek berkenaan.

Betul ke kita tidak membina khalayak pembaca?

Betul. Pembaca yang lapar karya sastera sangat kecil. Tradisi membaca kita semakin banyak menjurus kepada lmu lain yang tidak berkaitan dengan penulisan kreatif. Masyarakat kita kecil. Dua puluh juta dan terbahagi kepada empat kelompok berbanding Indonesia dan Thailand yang monolingual. Jumlah pembaca sastera mengecil dan disaingi hebat multi-media, televisyen dan kaset. Saya rasa kita patut menggalakkan penciptaan dan matlamat terhadap sastera ialah memanfaatkan multi media.

Bagaimana Malaysia boleh memanfaatkan multi media dalam aspek ini?

Kita dapat melihat Jepun memanfaatkan multimedia dalam karya kanak-kanak. Kita pula sepatutnya perluaskan khalayak karya kita dengan memanfaatkan multimedia untuk kanak-kanak dan karya dewasa.

Thailand umpamanya banyak mengangkat novel untuk drama televisyen. Begitu juga Iran dan Korea yang mengangkatnya ke filem. Masalah kita, kita tidak mempertemukan karya sasterawan kita dengan penulis skrip, pengarah, penerbit dan seniman foto. Ini satu langkah yang patut kita rancang untuk mengangkat seni filem tetapi juga kesusasteraan melalui multi media.

Siapa yang sepatutnya melakukan perkara ini?

Perkara ini sepatutnya digerakkan badan penulis dengan kerjasama Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (Finas), Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) serta Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Orang filem, penulis skrip perlu dipertemukan dengan sasterawan.

Di mana agaknya silap kita selama ini hingga gagal melahirkan pembaca karya sastera sekalipun pelbagai institusi dibentuk bagi tujuan meramaikan tenaga pakar dalam bidang ini?

Sastera dari segi pembaca memang kalah dengan perkembangan bidang lain. Sekolah kini lebih memberi tumpuan kepada profesion seperti peguam, jurutera komputer, arkitek dan dengan sendiri mereka meminati bidang ini. Berbeza pada tahun 50-an, 60-an dan 70-an, bidang profesional kurang mendapat perhatian pelajar. Ditambah orang yang kembangkan sastera tidak cukup imaginatif mempopularkan dan menunjukkan manfaat kesusasteraan bukan saja dari segi bahasa tetapi juga nilai yang boleh disebar di kalangan masyarakat.

Apakah kita masih tidak melakukan perkara itu selama ini?

Ada banyak diusahakan tetapi masalah perlu lebih banyak dilakukan dengan lebih imaginatif dan ambil kira perkembangan teknologi dan tidak boleh berdasarkan penerbitan buku semata-mata. Sangat penting untuk kita meningkatkan bakat, bukan saja sastera dewasa tetapi juga pelbagai peringkat. Sastera arus perdana tidak mengambil perhatian perkembangan penciptaan underground, penciptaan alternatif yang dihasilkan generasi muda berbakat sekalipun mereka ada kreativiti dan inovasi.

Mereka mencari penerbit dan menerbitkan karya sendiri. Bakat ini perlu diberi perhatian. Kita tidak terbuka luas. Sastera alternatif seperti yang dihasilkan Faisal Tehrani dan rakan-rakannya perlu diberi galakkan. DBP harus lebih memartabatkan karya alternatif yang inovatif.